

Headline	Masyarakat perlu sama jaga alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	814 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,171
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,514



# Masyarakat perlu sama jaga alam sekitar

**M**EMELIHARA alam sekitar bukan sekadar tanggungjawab pihak berwajib sahaja sebaliknya masyarakat juga mampu melakukannya dalam ruang lingkup persekitaran.

Masyarakat hari ini perlu sama-sama berfikir bagaimana membantu mengurangkan penebangan pokok, daripada membeli, sewa buku daripada pustaka, kitar semula kertas yang digunakan dan yang paling penting, didik anak-anak anda untuk melakukan perkara yang sama.

Hutan yang sihat serta alam sekitar yang bersih akan meningkatkan tenaga, serta memberi semangat dan ketenangan jiwa.

Program menyayangi hutan diadakan sejak sekian lama. Setiap negara yang menganjurkan apa yang dipanggil sebagai Hari Hutan Sedunia (IDF) dengan pengisian aktiviti penghijauan semula hutan, seperti kempen penanaman pokok pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sambutan IDF 2017 peringkat antarabangsa anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) memilih tema Hutan dan Tenaga.

Ini kerana kayu sumber tenaga boleh diperbaharui yang paling utama.

Kayu juga menyumbang kira-kira 45 peratus bekalan tenaga pada peringkat global (27 peratus daripada jumlah

bekalan tenaga utama di Afrika, 13 peratus di Amerika Latin dan Caribbean dan lima peratus di Asia dan Oceania).

Oleh itu, tema IDF 2017 menekankan kepentingan tenaga ini dalam memperbaiki kehidupan rakyat, menjana pembangunan lestari dan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod berkata, pada tahun ini, FRIM mengambil pendekatan yang berbeza dengan menafsir konsep Hutan dan Tenaga sebagai tenaga dalam setiap insan yang menunjukkan rasa cinta, sama ada terhadap alam sekitar, keluarga serta juga FRIM.

"Tenaga ini boleh diinterpretasikan sebagai Life Force atau Qi, iaitu konsep kuasa kehidupan yang penting dalam perubatan dan penyembuhan, menurut kebanyakan budaya lama dunia," katanya.



Headline	Masyarakat perlu sama jaga alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	814 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,171
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,514



Masyarakat perlu sama-sama berfikir bagaimana membantu mengurangkan penebangan pokok.



Headline	Masyarakat perlu sama jaga alam sekitar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	814 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,171
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 12,514



Peserta berkongsi pengalaman serta peristiwa penting untuk diabadikan menerusi penanaman pokok.



FRIM mengambil pendekatan yang berbeza dengan mentafsir konsep Hutan dan Tenaga sebagai tenaga dalam setiap insan yang menunjukkan rasa cinta.